

21/02/2001

Malas punca ICT negara lembap

Khairul Anuar Samad

SIKAP malas sesetengah pihak untuk memperbaiki diri selain berusaha memajukan masyarakat dikenali pasti antara punca wujudnya jurang literasi digital yang serius di negara ini.

Ketua Eksekutif, UBM Solutions Sdn Bhd (UBM), Shukree Isa berkata, pengguna komputer di negara ini ingin dibelai dengan kemudahan itu dipersembahkan kepada mereka.

Katanya, sikap itu merugikan diri sendiri selain gagal memajukan masyarakat setempat sekali gus menggagalkan usaha kerajaan untuk membentuk negara sebagai hub teknologi maklumat (IT) rantau ini.

Menurut beliau, kemudahan komputer dan IT sudah lama diwujudkan kerajaan seperti pusat IT desa dan menunggu untuk dimangkinkan pengguna.

"Malangnya, mereka gagal memanfaatkan kemudahan yang disediakan kerajaan menyebabkan wujudnya nilai negatif dalam industri itu," katanya kepada Berita komputer, kelmarin.

Beliau berkata demikian mengulas perasaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kecewa dengan sikap rakyat negara ini tidak berusaha mempelajari komputer dan bidang IT.

Kata Dr Mahathir: "Saya tidak gembira kerana masih ramai yang tidak berusaha belajar komputer.

"Saya minta anda jadilah orang bijak dan sediakan lesen komputer untuk diri anda."

Shukree berkata, berdasarkan kekecewaan Dr Mahathir itu, ia menunjukkan masyarakat negara ini masih tidak bersungguh-sungguh mengejar ilmu komputer berbanding negara lain.

Katanya, pengguna di negara ini disediakan dengan pelbagai kemudahan yang memudahkan penggunaan komputer tetapi ia masih gagal untuk dimanfaatkan sepenuhnya.

"Perkara ini sudah disediakan dan perlu berusaha untuk mendapatkannya, bukan hanya menunggu orang menyebarkan kemudahan itu kepada mereka," katanya.

Menurut beliau, keadaan seperti ini sudah disedari pihak industri khususnya yang terbabit dalam IT tetapi tidak disebarkan secara meluas.

"Kami di UBM sudah menyediakan platform seperti pembelajaran IT untuk dimanfaatkan pengguna, tetapi kemudahan itu masih diabaikan," katanya.

(END)